

28 NOV 1996

Mahathir-Kelantan

MT ARAH EMPAT ANGGOTA UMNO DALAM EXCO KELATAN LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno malam ini mengarahkan empat orang anggota parti itu yang memegang jawatan Exco kerajaan negeri Kelantan meletakkan jawatan masing-masing.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata arahan itu dibuat kerana Umno tidak mempunyai kerjasama dengan Pas dan dengan itu tidak boleh lagi berada dalam sebuah kerajaan yang diketuai oleh parti lain.

Beliau menegaskan tidak ada lagi Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan semua anggota mereka adalah anggota Umno seperti yang lain-lain juga.

"Mereka juga tertakluk pada peraturan parti dan tindakan mereka mesti mematuhi prinsip-prinsip perjuangan Umno dan disiplin parti... bila MT buat keputusan semua anggota tertakluk kepadanya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama MT selepas pemilihan parti Oktober lepas.

Keempat-empat anggota itu termasuk Timbalan Menteri Besar Datuk Rozali Isohak dilantik menjadi anggota Exco kerajaan negeri itu selaku wakil S46 ketika parti itu menjadi rakan Pas dalam Angkatan Perpaduan Ummah. Pas kini telah memutuskan hubungannya dengan S46.

S46 dibubarkan pada 6 Okt lepas dan semua anggotanya secara en bloc menyertai Umno. Parti itu menduduki 11 daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Rozali sebelum ini telah menyatakan mereka tidak akan meletakkan jawatan Exco itu sebelum mendapat "arahan pucuk pimpinan."

Mengenai cadangan penubuhan kerajaan campuran Pas-Barisan Nasional di Kelantan, Dr Mahathir berkata Umno sedia menimbang cadangan itu jika ada cadangan daripada Pas.

Bagaimanapun katanya Pas sehingga kini belum mengemukakan sebarang surat permohonan untuk menyertai Umno ataupun untuk mengadakan kerjasama.

Pas juga tidak ada mengemukakan hasrat mereka itu secara lisan atau memberi apa-apa indikasi yang mereka ingin adakan kerjasama itu.

"Apa yang ada ialah kenyataan akhbar. Oleh itu Umno tidak dapat membuat pertimbangan," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno akan mengkaji secara terliiti sebarang permintaan mana-mana pihak untuk menyertai Umno.

Katanya jika Pas membuat permohonan nanti sudah tentu Umno akan melihat syarat-syarat mereka.

"Adakah antara syarat itu Mat Sabu (Mohamed Sabu, Naib Ketua Pemuda Pas) tidak akan memaki Perdana Menteri lagi," katanya.

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa pada mesyuarat itu MT menjelaskan sikap Umno terhadap pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan beliau selaku Perdana Menteri menjelaskan sikap kerajaan mengenainya.

Katanya NGO merupakan badan biasa seperti juga dengan pertubuhan lain, oleh itu jika mereka menyalahi undang-undang, tindakan undang-undang akan diambil seperti yang dikenakan terhadap sesiapa sahaja.

Mengenai persidangan Asia Pasifik mengenai Timor Timur (APCET II) di sini baru-baru ini, beliau berkata undang-undang negara ini tidak melarang mana-mana kumpulan mengadakan mesyuarat secara tertutup.

Bagaimanapun katanya, pada APCET II ia diadakan secara terbuka tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Katanya mesyuarat itu dihadiri orang asing yang masuk dengan menggunakan pas pelawat dan dihadiri oleh para wartawan.

Dalam hal ini penganjur telah melakukan dua kesalahan iaitu mengadakan

persidangan terbuka tanpa kebenaran dan pelawat asing menyalahgunakan syarat pas pelawat, kata beliau.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri menegaskan bahawa kerajaan mengenakan tindakan terhadap mana-mana jua pihak yang menyalahi undang-undang tanpa mengambil kira sama ada ia NGO atau sebaliknya.

"Ini adalah dasar kerajaan," katanya. -- BERNAMA

ZKS SJA NMO